



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH URUS SETIA PENGAMBILAN DI KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

PENGAWAS TINGKAT II (D.3 EB.4) JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kersmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalender Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PENGAWAS TINGKAT II
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
D.3 EB.4 (\$900-\$1,465 EB KHAS \$1,505-\$1,665 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau sebanding dalam bidang Automotive Engineering / Civil Engineering / Electrical Engineering / Mechanical Engineering atau bidang bersesuaian.*

ATAU


- b) Telah berkhidmat di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun.
2. Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membantu Ketua Pembantu Teknik dalam pengurusan dan pemeliharaan *Pool Kenderaan* dan Pusat Mekanikal (Bengkel Wasan) di bawah kawalan Unit Mekanikal dan Kenderaan;
2. Membantu Ketua Pembantu Teknik dalam pengurusan kenderaan-kenderaan BG Jabatan serta kerja-kerja pemeliharaannya;
3. Membantu Ketua Unit dan Ketua Pembantu Teknik dalam membuat lawatan, pengawasan serta penyediaan laporan ke atas projek-projek melibatkan paip air domestik di kawasan-kawasan kemajuan pertanian serta stesen-stesen di bawah Jabatan Pertanian dan Agrimakanan;



4. Membantu Ketua Unit dan Ketua Pembantu Teknik dalam menyelaras kerja-kerja penghapusan dari kira-kira Kerajaan bagi semua aset di bawah kawalan Unit Mekanikal dan Kenderaan; dan
5. Menjalankan tugas-tugas tambahan yang diarahkan oleh Ketua Unit dan Ketua Pembantu Teknik dari semasa ke semasa.